

93

SOALAN NO: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 30 OKTOBER 2017
SOALAN : 42**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN
menyatakan

- a) bagaimana cara Kerajaan berjaya mengurangkan kos rawatan Hepatitis C dari RM50,000 ke RM500 sahaja ; dan
- b) sama ada Kerajaan boleh mengurangkan harga ubat-ubatan lain yang terlalu mahal untuk faedah pesakit di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kos rawatan Hepatitis C menggunakan produk paten sofosbuvir sekurang-kurangnya mencecah RM50 ribu bagi setiap pesakit. Oleh kerana kos ini adalah tinggi, KKM telah mengkaji beberapa kaedah untuk meningkatkan akses rawatan Hepatitis C di Malaysia. Antara kaedah yang telah digunakan untuk mendapatkan akses ubat Sofosbuvir yang murah adalah dengan menggunakan Hak Kerajaan (*Rights of Government*) di bawah Akta Paten 1983 (Akta 291) untuk mengeksploitasi rekacipta yang

dipatenkan iaitu Sofosbuvir 400mg tablet. Kaedah ini merupakan sebahagian fleksibiliti yang terdapat di dalam perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) bersama *World Trade Organization* (WTO).

Pelaksanaan Hak Kerajaan ini membolehkan pihak kerajaan Malaysia dapat mengimport ubat generik sofosbuvir yang harganya jauh lebih murah berbanding ubat sofosbuvir *innovator* bagi merawat lebih ramai pesakit di Malaysia.

Keputusan ini diambil selepas rundingan harga bersama pemilik produk paten iaitu Gilead Sciences tidak berjaya menurunkan harga ubat yang mampu dibiayai dengan peruntukan sedia ada KKM. Usaha untuk disenarai sebagai salah sebuah negara yang diberikan kebenaran menggunakan produk generik melalui *Medicine Patent Pool* (MPP) juga gagal kerana Malaysia dikategorikan sebagai sebuah berpendapatan sederhana tinggi (*upper middle income country*). Keadaan ini menyebabkan majoriti pesakit Hepatitis C tidak mendapat akses rawatan ubat sofosbuvir yang boleh menyembuhkan berikutan harganya yang mahal. Sekiranya keadaan ini berterusan maka kos untuk merawat penyakit ini akan menjadi lebih tinggi akibat komplikasi penyakit.

Oleh itu, pelaksanaan Hak Kerajaan adalah sebagai usaha untuk meningkatkan akses rawatan penyakit hepatitis C di Malaysia kerana Hepatitis C merupakan masalah kesihatan awam. Pendekatan ini juga selaras dengan sasaran *Sustainable Development Goals* bagi Hepatitis C yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sasaran Sektor

95

Kesihatan Global bagi tempoh 2016-2021 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi menghapuskan jangkitan virus hepatitis menjelang tahun 2030.

b) Beberapa mekanisme atau strategi lain sedang dikaji dalam usaha menambahbaik akses pesakit kepada ubat-ubatan yang terlalu mahal di Malaysia. Antaranya ialah dengan menggalakkan pendaftaran ubat-ubatan generik/biosimilars, kerjasama antara kerajaan dan swasta dalam hal rundingan harga dan perolehan ubat melalui kaedah *Patient Assistance Scheme*. Strategi-strategi ini turut dilaksanakan di negara-negara lain sebagai usaha meningkatkan akses pesakit kepada ubat-ubatan yang mahal.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 OKTOBER 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
[LIPIS]

SOALAN :

YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha mentransformasikan Malaysia ke arah berpendapatan tinggi menjelang 2020.

97

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia berada atas landasan yang betul untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita Malaysia telah meningkat sebanyak 3.8% setahun daripada RM25,322 (AS\$7,184) pada tahun 2009 kepada RM37,759 (AS\$9,102) pada tahun 2016. Berdasarkan tahap minimum PNK per kapita bagi status negara maju berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak AS\$12,235, ini bermakna Malaysia perlu melangkau jurang sebanyak 26% lagi sebelum mencapai status berkenaan. Oleh itu, usaha lebih giat perlu dipertingkatkan bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai pada tahun 2020.

Antara cabaran utama yang dihadapi dalam mencapai status negara maju berpendapatan tinggi adalah tahap produktiviti yang masih rendah berbanding dengan negara-negara maju dan beberapa negara membangun. Di samping itu, negara masih lagi bersaing dengan negara-negara serantau dari segi ekonomi berintensif buruh dengan kos

yang rendah berbanding model berintensif inovasi. Oleh itu, terdapat potensi yang besar bagi negara untuk membuat lonjakan dan merapatkan jurang perbezaan ini.

Dalam menangani cabaran ini, Kerajaan telah menggariskan pelbagai strategi melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11) bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi termasuklah:

- a. Meningkatkan produktiviti dan inovasi untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Dalam hubungan ni, pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh peningkatan dalam produktiviti sementara kebergantungan kepada input modal dan pekerja akan dikurangkan. Usaha bagi meningkatkan produktiviti akan dilaksanakan di semua peringkat iaitu makro, sektor dan firma serta diterajui oleh juara industri;

- b. Meningkatkan pembangunan modal insan termasuk mengupayakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ke arah mewujudkan lebih ramai pekerja mahir bagi memenuhi keperluan industri semasa dan di masa hadapan;

- 99
- c. Menggalakkan lagi pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
 - d. Meningkatkan lagi eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;
 - e. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan
 - f. Meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang disebutkan tadi, Malaysia mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan yang tepat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Objektif mencapai negara maju lebih daripada sekadar pencapaian daripada sudut ekonomi semata-mata termasuklah tahap pendapatan. Ia juga merangkumi pembangunan secara mampan dalam aspek sosial dan alam sekitar seiring dengan status sebuah negara maju

berpendapatan tinggi. Negara perlu juga mencatatkan kemajuan dalam aspek sosio-ekonomi berkenaan sebelum ia boleh dianggap sebagai sebuah negara maju sebenar.

Sekian. Terima kasih.

23 Oktober 2017